

04 OCT 1996

MIC ADAKAN JAMUAN SEMPENA ULANGTAHUNNYA KE-50 ESOK

KUALA LUMPUR, 4 Okt (Bernama) -- MIC akan mengadakan jamuan sempena ulangtahunnya ke-50 yang tertunda di Pusat Dagangan Dunia Putra esok dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tetamu kehormat.

Setiausaha agung MIC Tan Sri G. Vadiveloo hari ini berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain dijangka turut hadir.

Jamuan itu, yang akan dihadiri lebih 1,200 pemimpin dan anggota MIC, sepatutnya diadakan pada 3 Ogos lalu semasa perhimpunan agung MIC tetapi ia ditunda kerana gangguan bekalan elektrik di seluruh semenanjung.

Vadiveloo berkata Dr Mahathir, yang juga pengerusi BN, akan menyampaikan pingat emas kepada 30 tokoh veteran MIC pada jamuan itu. --

BERNAMA

ES AKD